

**Piket: Perdagangan Dua Hala EU-Malaysia Lebih Tinggi Tahun Ini**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Perdagangan dua hala Kesatuan Eropah-Malaysia dijangka lebih tinggi tahun ini berbanding 31.9 bilion euro (1 euro = RM4.31) yang dicatatkan tahun lepas, kata Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, Vincent Piket Selasa.

Eksport dari EU ke Malaysia berjumlah sehingga 11.2 bilion euro pada 2010, sementara eksport Malaysia ke EU ialah 20.7 bilion euro.

Piket berkata permintaan untuk produk komponen hijau dilihat meningkat tahun ini memandangkan EU secara unilateral telah komited kepada pengurangan 20 peratus pelepasan karbon dioksida menjelang 2020.

Memandangkan EU kini giat mempromosikan biomas sebagai bahan bakar alternatif dan sebagai sumber untuk ekoproduk, permintaan untuk bahan bakar biomas padu di Eropah dijangka berganda menjelang 2020, kata beliau pada majlis pelancaran Program Pemupukan Usahawan Biomas EU-Malaysia (EU-BENP) di sini.

Piket berkata 44 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan nilai pasaran kira-kira RM55 juta telah dipilih di bawah program itu, yang akan diuruskan oleh Inisiatif Pengeluaran Mampan Biomas EU-Malaysia (Biomass-SP).

Biomass-SP ialah antara 30 projek yang dipilih seluruh Asia tahun lepas di bawah Program "Switch Asia" EU, yang membiayai projek bagi penggunaan dan pengeluaran mampan.

Penasihat Teknikal di Biomass-SP Datuk Leong Kin Mun berkata pemupukan program itu bertujuan membantu PKS mendapat akses pasaran dan pembiayaan serta mewujudkan kerjasama seperti usaha sama eksport-import dan teknologi dengan syarikat-syarikat EU menerusi kemudahan padanan perniagaan yang disediakan di bawah program itu.

Leong berkata PKS yang terpilih akan menerima latihan persekitaran dan perniagaan secara percuma di kawasan-kawasan terpilih yang berkaitan dengan aktiviti pembekalan dan penggunaan biomas.

Beliau berkata untuk menyokong program itu, kerajaan telah menyediakan geran berjumlah sehingga RM4 juta kepada PKS untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dengan universiti tempatan beserta dengan pinjaman mudah.

Pengerusi Biomass-SP, Tan Sri Ahmad Zaharuddin Idrus berkata pelancaran EUM-BENP juga telah memulakan rangkaian sembilan siri Program Pengukuhan Kapasiti yang akan dianjurkan sepanjang tahun ini dan tahun depan berkaitan subjek yang berkaitan dengan pengkomersilan biomas.

-- BERNAMA

[Disclaimer:](#)

Best viewed in Internet Explorer 4.0 & above with 800 x 600 pixels